



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN MALAYSIA
(MINISTRY OF AGRICULTURE AND FOOD INDUSTRIES MALAYSIA)
WISMA TANI
NO. 28, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62624 PUTRAJAYA

Telefon: 03-88701373/1378

Faks: 03-88886906

E-mel: pro@mafi.gov.my

Laman Web: <http://www.mafi.gov.my>

SIARAN MEDIA

MENTERI MAFI LANCARKAN PENGAGIHAN BENIH PADI SAH DAN PROGRAM ZIARAH PELADANG

TANJUNG KARANG (Selangor) : Menteri Pertanian dan Industri Makanan, YB Datuk Seri Dr Ronald Kiandee hari ini melakukan lawatan kerja ke Pusat Belian Padi Sawah Sempadan Tanjung Karang bagi melancarkan Pengagihan Benih Padi Sah dan sesi libat urus bersama peladang serta pemain industri.

Menurut Dr Ronald Kiandee, Insentif Benih Padi Sah (IBPS) merupakan salah satu daripada program subsidi dan insentif yang diuruskan oleh Kementerian bagi membantu golongan sasaran dalam sektor padi dan beras.

Katanya IBPS juga membantu pesawah padi mengurangkan kos pengeluaran padi serta menggalakkan penggunaan benih padi sah yang berkualiti, bermutu tinggi, rintang penyakit dan mengurangkan risiko padi angin.

Beliau berkata berdasarkan kawasan penanaman padi seluas 520,000 hektar di Semenanjung Malaysia, anggaran jumlah benih padi yang diperlukan bagi dua (2) musim penanaman setahun ialah sebanyak 72,000 tan metrik.

Ianya adalah berdasarkan kepada anggaran keperluan benih padi sebanyak 140 kilogram per hektar, katanya.

Pada majlis yang sama, ketika mengulas mengenai kaedah pelaksanaan baharu pengedaran benih padi sah, Dr Ronald Kiandee berkata pada masa ini mekanisma pengeluaran dan pembekalan benih padi sah dilaksanakan oleh kesemua syarikat pengeluar benih padi sah yang dilantik oleh Kerajaan sahaja.

Menurutnya bagaimanapun, keadaan ini menyebabkan manipulasi terhadap harga benih padi sah yang dibeli oleh pesawah kerana Kerajaan hanya menetapkan harga jualan di premis pengeluaran benih padi sah (di pintu kilang) sahaja.

Sehubungan itu, beliau berkata Kementerian telah meneliti isu pengedaran benih padi sah ini dan telah merangka hala tuju serta penambahbaikan program IBPS dengan melaksanakan beberapa inisiatif seperti berikut:

- i. Melantik Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) sebagai pemborong tunggal dalam program IBPS;
- ii. Pelantikan NAFAS juga akan membolehkan penetapan harga siling benih padi sah pada paras RM35 per beg dilaksanakan tanpa melibatkan tambahan peruntukan insentif kepada Kerajaan;
- iii. Lesen dan permit akan diberikan kepada agen, individu atau syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan;
- iv. Penetapan beberapa varieti benih padi sah yang akan dihasilkan oleh syarikat pengeluar benih padi sah untuk dipilih oleh pesawah; dan
- v. Menyediakan stok penimbal benih padi sah bagi menangani isu kekurangan bekalan benih padi sah di luar jangka.

Beliau berkata mekanisma penstrukturan semula keseluruhan rantai nilai yang dilakukan oleh Kementerian ini adalah bagi menjamin mutu perkhidmatan di samping memberikan hak kepada pesawah untuk memilih benih padi yang terbaik bagi kegunaan sawah padi mereka.

Disediakan oleh:

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan

22 Disember 2020

**Tel : 018-9837990 (Abdul Taib Abdillah)
013-8571226 (Chindarayareh Jinti)**

E-mel : pro@mafi.gov.my